

14/03/2001

Dr M minta korporat bantu persatuan sukan

Zulkofli Jamaludin

PUTRAJAYA, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta sektor korporat membantu persatuan sukan bagi membolehkan ahli sukan menjalani latihan secukupnya untuk mencatat kejayaan pada peringkat dunia.

Ketika membuat gesaan itu, Perdana Menteri berkata bantuan daripada sektor korporat penting kerana peruntukan kewangan daripada kerajaan tidak mencukupi bagi membiayai latihan secara berterusan.

"Latihan secara berterusan kadang-kadang memerlukan perbelanjaan besar dan sebab itu bantuan daripada korporat penting bagi membantu atlet dalam sukan yang kita mempunyai potensi untuk menjadi juara berlatih secara berterusan," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian pada majlis penyerahan sumbangan oleh Sahabat Sukan Skuasy dan turut hadir Presiden Persatuan Raket Skuasy Malaysia, Datuk Nik Mohamed Din Nik Yusoff.

Pada majlis itu persatuan berkenaan menerima bantuan kira-kira RM500,000 daripada 10 syarikat iaitu Formis (Malaysia) Berhad, Mulpha Sport Sdn Bhd, Magnum Corporation Berhad dan Business Focus Sdn Bhd.

Turut menyumbang menjadi sahabat sukan itu ialah Asian Consulting Group Sdn Bhd, Avenue Assets Berhad, Tongkah Medivest Sdn Bhd, Cerah Daya Sdn Bhd, NMD Holdings Sdn Bhd dan OPI Sdn Bhd.

Perdana Menteri berkata, ahli sukan negara ini boleh mencapai kejayaan dalam beberapa jenis sukan, sekiranya mempunyai ketekunan dan bersedia menjalani latihan secara berterusan.

"Ramai kata atlet Malaysia tidak boleh cemerlang dalam kebanyakan sukan kerana saiz kita agak kecil dan gagal memenangi pingat Olimpik, Komanwel dan Sukan Sea.

"Sebab itu atlet perlu menjalani latihan dan terus menjalani latihan dengan tekun bagi mencapai kejayaan. Sebab itu juga kita mahu korporat terus memberi bantuan bagi membolehkan atlet memberi fokus terhadap latihan," katanya.

Sementara Nik Mohamed Din berkata, persatuan itu memerlukan kira-kira RM1 juta setahun bagi membiayai latihan atlet.

Katanya, persatuan itu dijangka dalam menarik 20 syarikat untuk menjadi Sahabat Sukan Skuasy bagi membolehkan atlet tempatan terus menempa kejayaan pada peringkat dunia.

"Persatuan ini beruntung kerana mempunyai kumpulan pemain dan pegawai yang iltizam untuk mengharumkan nama Malaysia dalam pertandingan pada peringkat serantau dan antarabangsa," katanya.

Persatuan itu kini berjaya melahirkan dua pemain yang menjadi juara remaja dunia iaitu Ong Beng Hee pada 1998 dan diikuti Nicol David setahun kemudian.

(END)